



TENTU ada perkara menarik yang dibualkan menerusi alat penterjemah antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) dengan Ketua Per-

wakilan Jepun, Enelk Shigeo Nagano di Persidangan Tahunan Kelima MAJECA/JAMECA di Kuala Lumpur, semalam.

Jepun diminta tokok peluang

Oleh ZAINUDDIN AYIP

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Jepun membuka peluang yang lebih luas kepada rakyat Malaysia menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi di negara itu khususnya di bidang teknik dan vokasional.

Perdana Menteri juga meminta Jepun mengenalpasti bentuk bantuan yang boleh diberi kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan latihan dan kursus di kilang-kilang perindustriannya.

Sejahtera

Sebagai langkah awal, katanya, pelajar-pelajar Malaysia yang kini mengikuti kursus bahasa Jepun di Institut Teknologi MARA akan dihantar ke negara itu tidak lama lagi.

Ini akan diikuti oleh kumpulan-kumpulan lain sejajar dengan peluang-peluang yang diberi oleh Jepun, tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demi-

kian ketika merasmikan Persidangan Tahunan Bersama Kelima Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun Malaysia (JAMECA) di sini.

Beliau juga menekankan perlunya bantuan Jepun di bidang perindustrian seperti menanamkan sikap rajin bekerja supaya negara Malaysia menjadi sebuah lagi 'Jepun' di rantau ini.

Katanya, bantuan kepakaran dan latihan di bidang itu juga diperlukan bagi melahirkan satu pasukan pekerja yang mahir, cekap dan bersemangat.

Malaysia, tegas beliau, perlu membentuk satu pasukan pengurus perindustrian dan perniagaan dari peringkat bawah hingga atas yang cekap dan berkebolehan.

Jasa baik Jepun di bidang-bidang tersebut, kata Perdana Menteri, akan memberi faedah

kepadanya kerana Malaysia adalah sebuah negara sejahtera yang menjadi pelanggan dan rakan perdagangan yang baik.

"Walaupun Malaysia-Jepun berbeza dari segi rupa bangsa, bahasa dan sejarah, terdapat banyak persamaan dari segi falsafah politik dan ekonomi yang memudahkan bekerjasama," tambahnya.

Sesungguhnya, kata beliau lagi, adalah tidak mustahil mengadakan persahabatan di peringkat kerajaan dan rakyat.

Latihan

Menurutnya, setelah Jepun memberi bantuan kemahiran, pengetahuan, sikap kerja dan nilai etika, akan tertanamlah asas kerjasama yang teguh dan bermakna antara kedua negara.

Perdana Menteri kemudian menghuraikan bentuk-bentuk bantuan yang diperlukan. Anta-

ranya:

- Peluang latihan di sektor perindustrian termasuk latihan harian di kilang-kilang.

- Mengeluarkan tenaga-tenaga mahir yang bertaraf tinggi.

- Menyerapkan latihan-latihan teknik berbentuk teori ke dalam latihan praktikal untuk mendapatkan pengalaman bekerja.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berharap Malaysia akan menjadi negara perindustrian terpenting di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan.

"Sejak dulu lagi kita memandang negara Barat kerana waktu itu Jepun masih lagi di peringkat awal pembangunan, tapi kini Barat tidak boleh lagi dijadikan contoh, kerana negara-negara itu kini seolah-olah kehilangan arah," jelasnya.

Kemudian, kata beliau, Malaysia mengalih pandangannya ke Timur, iaitu Jepun memandangkan negara itu maju dengan begitu pesat.